

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 15 DISEMBER 2005, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 24

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 60-100433
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan:-
 - (a) apakah Kerajaan sudah membuat keputusan untuk memberi subsidi minyak kepada semua pengusaha pengangkutan awam termasuk teksi sebagai langkah mengurangkan beban operasi ekoran kenaikan bahan tersebut; dan
 - (b) apakah jaminan Kerajaan agar harga tambang bagi pengangkutan awam tidak naik dalam tempoh dua tahun akan datang.
2. 59-100019
Tuan Tay Puay Chuan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramaikah penuntut-penuntut Malaysia yang belajar di luar negara atas biasiswa Kerajaan yang tidak kembali ke tanah air untuk melaksanakan tanggungjawab 'Bond' dan gagal membayar balik pinjaman kepada Kerajaan. Apakah tindakan Kerajaan ke atas perkara ini.
3. 61-100348
Datuk Jins Shamsudin minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kerajaan sedar Malaysia telah dianggap sebagai negara yang terbesar mencetak dan mengedarkan VCD/CD haram dan lucah. Apakah tindakan Kerajaan untuk menghapuskan anggapan ini.

4. 75-100591
Datuk Yaakob Bin Haji Mohammad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk merealisasikan pembinaan sebuah hospital kanak-kanak bertaraf antarabangsa dengan memiliki berbagai kepakaran dalam perawatannya serta kos perawatan yang mampu dibiayai oleh semua golongan masyarakat dan nyatakan jumlah kanak-kanak di bawah peringkat umur 12 tahun yang telah menerima rawatan dan dimasukkan ke wad-wad hospital di seluruh negara sejak tahun 1999 hingga Jun, 2005.
5. 65-100152
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana dapat dikawal harga rumah-rumah yang dibina oleh swasta daripada menjadi terlalu mahal disebabkan kegiatan spekulasi.
6. 8-100630
Tuan Saravanan a/l Murugan minta **KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah masih terdapat warga asing yang masih menjadikan kawasan di negara ini sebagai 'perkampungan' mereka sehingga menyebabkan rasa tidak selesa di kalangan penduduk tempatan seperti yang dilaporkan di akhbar harian baru-baru ini.
7. 39-100212
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tentang kemerosotan mutu sukan di negara kita. Walaupun pelbagai kemudahan latihan dan imbuhan diberikan kepada atlit tetapi mutu sukan masih di tahap yang menyedihkan. Adakah tiada sebarang usaha yang dilakukan oleh Kementerian bagi meningkatkan prestasi atlit-atlit kita sedangkan wang banyak dilaburkan untuk mereka.
8. 77-100503
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang untuk menghadkan pengeluaran lesen motosikal kepada remaja berumur 19 tahun ke bawah hanya kepada 100 c.c, 21 tahun ke bawah 250 c.c dan 21 tahun ke atas melebihi 250 c.c sebagai langkah membendung gejala sosial lumba haram dan mengurangkan kadar kemalangan.
9. 79-100544
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menambahkan bilangan kakitangan awam bukan bumiputera dalam sektor awam.
10. 51-100140
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah bentuk bantuan yang telah dirangka dalam Rancangan Malaysia ke-9 untuk golongan ibu tunggal. Nyatakan juga banci yang terkini bilangan ibu tunggal untuk setiap negeri di seluruh negara.

11. 49-100538
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah faedah yang disumbangkan melalui rancangan-rancangan seperti "Mencari Cinta", "Akademi Fantasia" dan sebagainya dari segi kemanusiaan.
12. 20-100410
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:-
 - (a) bilangan keluarga miskin tegar, keluarga ibu tunggal, anak-anak yatim piatu, warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) seluruh negara; dan
 - (b) apakah perancangan yang telah ambil bagi peningkatan tahap kehidupan yang lebih selesa.
13. 72-100612
Dato' Kamarudin bin Ambok minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan adanya pelajar cemerlang yang gagal mendapat pembiayaan atau penajaan daripada JPA ataupun PTPTN dan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.
14. 67-100306
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk mewujudkan hospital-hospital swasta yang mengenakan kadar perubatan yang rendah bagi membolehkan golongan rakyat kebanyakan mendapatkan rawatan di hospital tersebut.
15. 43-100293
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan punca kemalangan di jalan raya yang terlampau tinggi bilangannya sejak akhir-akhir ini dan cara yang terbaik untuk mengatasinya.
16. 46-100235
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah bilangan sebenar siswazah yang menganggur dan apakah faktor-faktor yang menyebabkan mereka menganggur. Apakah kejayaan Kerajaan setakat ini dalam menangani masalah siswazah menganggur.
17. 44-100335
Puan Safinah binti Jusoh minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapa jumlah bilangan orang asli dalam negara ini mengikut pecahan negeri dan tahap pendidikan mereka sejak tahun 2000.

18. 7-100175
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah bantuan yang diberi kepada petani dan penternak:-
- (a) untuk mendapatkan tanah dari Kerajaan negeri dan lain-lain bantuan atau nasihat yang diberi; dan
 - (b) sama ada rancangan 'Pawah' masih wujud.
19. 56-100122
Dato' Rhina Bhar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan untuk mengarahkan Petronas untuk memberikan sumbangan terus bagi menyokong bidang sukan khususnya perlumbaan kereta di arena antarabangsa di mana Petronas telah membelanjakan jutaan ringgit dalam sukan lumba kereta Fomula One.
20. 62-100617
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha ke arah menjadikan sistem pengangkutan awam di negara ini lebih baik serta langkah-langkah drastik untuk mengurangkan jumlah kematian jalan raya di setiap musim perayaan.
21. 38-100345
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah peminjam pendidikan MARA yang telah dikenakan tindakan undang-undang kerana kegagalan membayar balik hutang mereka.
22. 70-100056
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah dan tindakan Kementerian terhadap Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang dikatakan sudah tersasar dari landasannya hingga timbul pelbagai masalah termasuk isu 45,000 peserta atau Sahabat AIM menarik diri dari menjadi Sahabat AIM.
23. 69-100439
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan mengenai Akta Pertubuhan Belia yang dicadangkan pada tahun 2003 yang menetapkan agar pemimpin dan ahli persatuan belia hendaklah berumur 40 tahun dan ke bawah. Akta ini telah dikaji dan dibahaskan namun sehingga kini belum mendapat sebarang keputusan.
24. 29-100210
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapa banyakkah pusat futsal atau kompleks *indoor game* yang telah dibina dan adakah pembinaannya dapat mengatasi masalah belia lepak.

25. 76-100518
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada wanita diberi peranan yang sewajarnya sebagai aset penting dalam pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Adakah matlamat 30% dijadikan satu komitmen dalam RMK 9 dan apakah strategi-strategi untuk mencapainya.
26. 46-100221
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah bayaran bagi setiap skrip kertas jawapan yang diperiksa oleh guru-guru bagi peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM dan adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan bayaran tersebut.
27. 45-100476
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan pertambahan kadar kehadiran pelancong Asia Barat ke negara ini sehingga Ogos tahun ini berbanding tempoh yang sama pada 2004 dan apakah signifikannya kepada industri pelancongan negara.
28. 17-100165
Tuan Lee Sing Chooi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme untuk memantau usaha dan kemajuan dalam peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan apakah kemajuan setakat ini dan masalah yang dihadapi.
29. 20-100388
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilangan perkampungan Orang Asli di kawasan pedalaman mengikut negeri yang akan menerima pelaksanaan pembekalan Solar Hybrid System 24 jam dan bilakah tarikh pelaksanaannya.
30. 78-100599
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang status penempatan sementara yang disediakan kepada mangsa Tsunami.
31. 76-100528
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi untuk memastikan tenaga kerja dimanfaatkan oleh FELDA dan dijadikan sumber guna tenaga yang produktif. Ramai di kalangan peneroka FELDA mencari pekerjaan di luar kawasan FELDA. Ini memberi kesan pada keluarga, masyarakat dan proses pembangunan di FELDA tersebut.

32. 39-100215
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan agar anak-anak yatim, ibu-ibu tunggal dan warga-warga emas agar tidak terus diberikan sumbangan wang tunai kepada mereka sebaliknya memberikan latihan berbentuk kemahiran dan pekerjaan serta peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi agar mereka dapat berdikari dan tidak terlalu mengharap kepada bantuan orang ramai secara berterusan.
33. 37-100006
Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah urusan rombak semula syarikat-syarikat GLC's (Government Linked Companies) telah berjalan seperti mana yang direncanakan. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan syarikat-syarikat GLC's ini mengambil masa yang agak lama untuk dirombak semula.
34. 50-100579
Dato' Hamzah bin Zainudin minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah bentuk penyelarasan dan kerjasama yang telah dibangunkan Kementerian dengan agensi Kerajaan lain di dalam memastikan tahap kualiti dan pengeluaran hasil pertanian negara dapat ditingkatkan sepanjang masa.
35. 18-100255
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan yang telah dibuat oleh Kerajaan dalam menyekat kenaikan statistik kemalangan jalan raya yang semakin meningkat di musim perayaan ini.
36. 30-100564
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan lebih ramai penuntut lepasan matrikulasi atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) mencapai kelulusan yang tinggi dan baik serta akan memilih untuk melanjutkan pelajaran mereka di peringkat universiti dalam bidang-bidang yang kritikal seperti kejuruteraan, perubatan, perakaunan mahupun sains.
37. 57-100365
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah dasar Kementerian terhadap permintaan masyarakat Cina untuk membina lebih banyak Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di kawasan yang majoriti penduduknya terdiri dari kaum cina seperti di Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Johor Bahru.

38. 40-100269
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:-
- (a) sejauh mana keberkesanan cadangan supaya modul latihan memandu ditambah kerana ini akan membebaskan rakyat dari segi masa dan wang sedangkan kadar kemalangan jalan raya semakin meningkat; dan
 - (b) pelbagai cara dilakukan contohnya saman serta merta, kenaikan harga saman, ops sikap tetapi masih tidak dapat membendung perandai pemandu yang melanggar peraturan. Apakah pendekatan terbaru yang akan diambil.
39. 67-100299
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan mengapakah terdapat hiburan berbentuk kepercayaan dan penyembahan serta kepercayaan terhadap ilmu sihir, hantu dan sebagainya yang masih ditayangkan di Astro sedangkan ianya bukanlah budaya kita dan boleh meracuni fikiran rakyat terutamanya generasi muda.
40. 73-100188
Dr. Raja Ram a/l Nadayson minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengenai tahap peningkatan penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah selepas bermulanya penggunaan bahasa tersebut dalam mata pelajaran Sains dan Matematik.
41. 29-100245
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah perkampungan orang asli yang masih belum mempunyai bekalan prasarana asas seperti elektrik, air dan jalan kampung dan bilakah sasaran Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.
42. 60-100451
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah ekonomi negara pada tahun 2006 akan lebih perlahan daripada tahun 2005. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menampung kesan atau impak sedemikian.
43. 19-100025
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah rasional dan justifikasinya jutawan Koo Tee Yam dibebaskan daripada tahanan di Bukit Aman pada 31 Oktober 2005 selepas Koo Tee Yam ditahan semula oleh polis selama 48 jam (29 Oktober 2005) sebaik sahaja dia melangkah keluar selepas dibebaskan dari Penjara Simpang Renggam, Kluang, meskipun pihak polis sebelum ini menyifatkan bahawa beliau mampu mengancam keselamatan negara.

44. 9-100409
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil Kementerian bagi menangani masalah persetubuhan haram di kalangan pelajar universiti yang semakin meningkat.
45. 74-100117
Tuan Chua Kim Chuan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peratus rakyat mengikut kaum yang tergolong dalam kategori kemiskinan tegar. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.
46. 9-100413
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kementerian hendak menangani kenaikan harga barang akibat kenaikan harga petrol, diesel dan tarif elektrik pada tahun 2006 dan apakah implikasinya terhadap golongan berpendapatan rendah dan sederhana.
47. 38-100369
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pegawai dan anggota polis yang dikenakan tindakan kerana kecuaiian atau kegagalan menjalankan tugas sepanjang tahun ini.
48. 47-100325
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah pencapaian murid-murid darjah empat dalam peperiksaan akhir tahun 2005 dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik di seluruh negara mengikut negeri.
49. 56-100096
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai MSC sehingga sekarang dan apakah *target* pendaftaran syarikat-syarikat multinasional asing. Berapakah syarikat-syarikat yang telah didaftarkan sehingga sekarang.
50. 65-100153
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan mendapatkan semula dokumen-dokumen penting milik negara yang masih tersimpan di setengah-setengah tempat di negara barat.
51. 45-100486
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah rakyat yang belum memperbaharui kad pengenalan mereka kepada MyKad menjelang Disember 2005 ini.

52. 17-100167
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan rancangan dan usaha Kementerian untuk membantu remaja yang tercicir dari Tingkatan Peralihan hingga Tingkatan 3, peratusan remaja yang dapat dibantu, dan apakah masalah yang dihadapi dalam usaha tersebut.
53. 33-100048
Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk memperbaiki dan menangani masalah bekalan elektrik di Sabah dalam masa yang terdekat ini. Apakah Kerajaan tidak menimbang untuk meluluskan pembinaan Empangan Liwogu, Ranau yang telah di cadang oleh Kerajaan negeri Sabah.
54. 18-100260
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Malaysia dalam mengatasi hubungan dingin di antara Kuala Lumpur dan Bangkok yang berlarutan sekian lama demi menjaga kepentingan orang Islam dan kedudukan Malaysia sendiri sebagai Pengerusi OIC.
55. 77-100493
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada terdapat sistem pemantauan pencegahan konflik antara kaum di Malaysia. Sekiranya ada minta dijelaskan kaedah atau proses pemantauan tersebut. Sekiranya tiada, apakah langkah-langkah untuk mewujudkan satu sistem pemantauan perhubungan antara kaum yang berkesan.
56. 54-100081
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan:-
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan Pusat Kegiatan dan Latihan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan di kawasan Parlimen luar bandar dan mempunyai penduduk yang padat, khususnya di Sarawak; dan
 - (b) apakah bentuk prasarana yang dicadangkan.
57. 81-100637
Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **KEMENTERIAN KESIHATAN** menyatakan apakah kedudukan penyakit campak (measles) ketika ini. Apakah puncanya berlaku wabak campak di Sarawak baru-baru ini sehingga menyebabkan 18 kematian yang mana sebahagian besarnya adalah kanak-kanak dan apakah tindakan-tindakan pencegahan yang diambil agar ianya tidak berulang.

58. 52-100555

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan terhadap Terminal 1 Subang serta apakah status tanah tersebut setelah bangunan Terminal 1 Subang dengan tergesa-gesa diruntuhkan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 23/2005) Rang Undang-undang Perbekalan 2006 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. [14 Disember 2005]**
2. (D.R. 24/2005) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2005 **Bacaan Kali Yang Kedua**
3. (D.R. 29/2005) Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 “
4. (D.R.30/2005) Rang Undang-undang Timbang Tara 2005 “
5. (D.R.27/2005) Rang Undang-undang Kewangan 2005 “
6. (D.R.31/2005) Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2005 “
7. (D.R. 22/2005) Rang Undang-undang, Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 “

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 117	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Akreditasi Negara Bagi Tahun 2003.	15 Disember 2005
ST. 122	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tahun 2000 (Telah Diaudit).	15 Disember 2005.